

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7659961 (Talian Terus)
06 - 7659962 (Talian Terus)

No. Faks: 06 - 7636352
06 - 7671702

Fail Kami : P.Kw.N./N.S.(349) 600/4 Klt.7 (9)
Tarikh : 30 Jun 2022

**YB DATO' DR./ YBHG DATO'/ TUAN/ PUAN
KETUA-KETUA JABATAN NEGERI**

**DATUK BANDAR/ YANG DIPERTUA
PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/ PENGARAH
BADAN BERKANUN NEGERI**

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**PELARASAN KADAR HARGA KONTRAK PEROLEHAN KERAJAAN BERIKUTAN
PELAKSANAAN PERINTAH GAJI MINIMUM (PGM) 2022 BERKUAT KUASA PADA 1 MEI
2022**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan **Surat Edaran Ketua Setiausaha Perbendaharaan bil.(14) dlm. MOF.BPK(S) 600-1/3/66 bertarikh 15 Jun 2022** adalah berkaitan.

2. Seperti yang YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022 telah diwartakan pada 27 April 2022 melalui Warta P.U.(A) 140 di mana **kadar gaji minimum** dinaikkan kepada **RM1,500.00 sebulan** bagi seluruh negara.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dilampirkan salinan **Surat Edaran Ketua Setiausaha Perbendaharaan bil.(14) dlm. MOF.BPK(S) 600-1/3/66 bertarikh 15 Jun 2022** dengan **PINDAAN** pada **Para 3.1** seperti berikut di mana **syarat-syarat lain** yang dinyatakan dalam surat edaran tersebut adalah **kekal**.

“3.1 Pelarasan kadar harga tersebut perlu dipertimbangkan di peringkat Pegawai Pengawal dan diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri bagi kontrak yang bernilai sehingga RM500,000.00. Manakala kontrak yang melebihi RM500,000.00 perlu mendapatkan kelulusan oleh Lembaga Perolehan Negeri (LPN).”

4. Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI MOHD KHIDIR BIN MAJID)



KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
SECRETARY GENERAL OF TREASURY
Kementerian Kewangan Malaysia
Ministry of Finance Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8882 3333

Faks : 603-8882 4224

Telex : FEDTRY MA 30242

Web : www.mof.gov.my

(8)

Rujukan Kami : MOF.BPK (S) 600-1/3/66 (14)
Tarikh : 15 Jun 2022

Ketua Setiausaha Negara
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PELARASAN KADAR HARGA KONTRAK PEROLEHAN KERAJAAN BERIKUTAN
PELAKSANAAN PERINTAH GAJI MINIMUM (PGM) 2022 BERKUAT KUASA PADA
1 MEI 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat-Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) rujukan MOF.BPK(S)600-1/3/66 (2) bertarikh 24 Februari 2020 seperti di **Lampiran A** dan Warta P.U.(A). 140 adalah berkaitan.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan sedia maklum, Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022 telah diwartakan pada 27 April 2022 melalui Warta P.U.(A) 140. Kadar gaji minimum dinaikkan kepada RM1,500 sebulan bagi seluruh negara seperti berikut:

2.1 Mulai 1 Mei 2022:

- (i) Bagi seseorang majikan yang menggajikan 5 orang pekerja atau lebih;
- (ii) Bagi seseorang majikan yang menjalankan sesuatu aktiviti profesional yang dikelaskan di bawah Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysian (*Malaysia Standard Classification of Occupations – MASCO*) 2020 iaitu profesional sains dan kejuruteraan, kesihatan, perguruan, perniagaan dan pentadbiran, teknologi maklumat dan komunikasi, perundangan, perkhidmatan hospitaliti dan yang berkaitan, sosial dan kebudayaan dan badan pengawalaturan tanpa mengira jumlah pekerja yang digajikan; dan
- (iii) Bagi kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran, kadar gaji minimum yang terpakai ialah seperti PGM 2020 iaitu RM1,200 sebulan dan RM1,100 sebulan bagi kawasan selainnya.

2.2 Mulai 1 Januari 2023:

- (i) Bagi seseorang majikan yang menggajikan kurang 5 pekerja.
3. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) bersetuju supaya semua kontrak Kerajaan yang terkesan dengan pelaksanaan PGM 2022 dibuat pelarasan kadar harga berdasarkan syarat-syarat berikut:
- 3.1 Pelarasan kadar harga tersebut perlu dipertimbang dan diluluskan oleh Pegawai Pengawal masing-masing. Pegawai Pegawal adalah bertanggungjawab memastikan pelaksanaan pelarasan harga kontrak adalah mematuhi peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa serta mengesahkan peruntukan adalah mencukupi; dan
- 3.2 Agensi juga hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:
- (i) Syarikat hendaklah membuat permohonan bertulis bagi pelarasan harga kontrak Kerajaan dengan menyertakan salinan penyata gaji dan penyata potongan KWSP pekerja;
 - (ii) Terpakai bagi kontrak Kerajaan yang telah ditandatangani sebelum tarikh kuat kuasa PGM 2022 pada 1 Mei 2022 dan tempoh kontrak masih berkuat kuasa;
 - (iii) Bagi sebut harga/ tender yang telah dipelawa sebelum PGM 2022 berkuat kuasa tanpa mengambilkira pelaksanaan PGM 2022, Surat Setuju Terima (SST) hendaklah dikeluarkan berdasarkan harga kontrak yang mengambilkira pelaksanaan PGM 2022;
 - (iv) Pelarasan kadar harga adalah tidak dibenarkan bagi pelawaan sebut harga/ tender yang telah dinyatakan dengan jelas keperluan mematuhi peraturan ini;
 - (v) Agensi hendaklah menuBUHKAN satu Jawatankuasa Penilaian Pelarasan Kadar Harga yang bertanggungjawab untuk meneliti dan membuat pengiraan ke atas permohonan pelarasan kadar harga kontrak perolehan Kerajaan daripada syarikat mulai tarikh kuat kuasa PGM 2022 hingga tempoh kuat kuasa kontrak sahaja untuk diperakukan kepada Pegawai Pengawal;
 - (vi) Agensi dan Jawatankuasa Penilaian Pelarasan Kadar Harga perlu merujuk kepada Jadual Kadar Gaji Minimum seperti yang ditetapkan melalui PGM 2022 seperti di **Lampiran B**;


- (vii) Pelarasan harga kontrak dilakukan dengan mengambil kira saraan minimum pekerja yang ditetapkan oleh Kerajaan melalui PGM 2022 tanpa melibatkan keuntungan kepada syarikat;
- (viii) Agensi hendaklah mengikat satu Perjanjian Tambahan dengan syarikat mengambil kira kadar saraan minimum baharu berdasarkan PGM 2022. Perjanjian Tambahan hendaklah disalinkan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Sumber Malaysia (KSM) bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan;
- (ix) Bagi kontrak yang bernilai melebihi RM200,000, nilai bon pelaksanaan adalah dikekalkan tanpa sebarang pertambahan. Manakala bagi nilai kontrak yang melebihi RM200,000 selepas pelarasan harga kontrak dibuat, kenaan bon pelaksanaan adalah dikecualikan;
- (x) Kelulusan kenaikan kadar harga adalah tertakluk kepada peruntukan sedia ada; dan
- (xi) Semua syarat di dalam PGM 2022 dipatuhi sepenuhnya.

4. Bagi memastikan kontrak Perolehan Kerajaan adalah selaras dengan PGM 2022, Agensi perlu mengambil tindakan segera dalam melaksanakan pelarasan harga kontrak dan mengemaskini segera kontrak Perolehan Kerajaan yang sedang berjalan. Arahan ini berkuat kuasa mulai tarikh PGM 2022 berkuat kuasa dan surat edaran MoF rujukan MOF.BPK(S)600-1/3/66 (2) bertarikh 24 Februari 2020 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SERI ASRI BIN HAMIDON)





Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
Tel. : 03-88823333
Telefaks : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242
Laman Web : www.treasury.gov.my

Rujukan Kami : MOF.BPK (S) 600-1/3/66 (2)

Tarikh : 24 Februari 2020

Ketua Setiausaha Negara
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PERUBAHAN KADAR HARGA KONTRAK PEROLEHAN KERAJAAN
BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH GAJI MINIMUM (PGM) 2020
BERKUATKUASA PADA 1 FEBRUARI 2020**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat Kementerian Kewangan rujukan S/K.KEW/PK/MOF/D/OO JLD.12 SK.3(4) bertarikh 23 Oktober 2018 dan rujukan S/K.KEW/PK/MOF/D/OO JLD.12 SK. 3 (8) bertarikh 14 Disember 2018 adalah berkaitan.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan sedia maklum, Perintah Gaji Minimum (PGM) 2020 telah diwartakan pada 10 Januari 2020 melalui Warta P.U.(A) 5/2020. Kadar gaji minimum dinaikkan kepada RM1,200.00 sebulan berkuatkuasa mulai 1 Februari 2020 di bandar-bandar utama di bawah pentadbiran 56 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran seperti di dalam Jadual, PGM 2020 di **Lampiran B**. Bagi kawasan-kawasan lain, kadar gaji minimum adalah kekal pada RM1,100.00 sebulan.

3. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan bersetuju supaya semua kontrak Kerajaan yang ditandatangani sebelum pelaksanaan PGM 2020 mulai 1 Februari 2020 di kawasan yang terlibat dan masih berkuatkuasa, dibuat pelarasan harga dengan mengambil kira kadar gaji minimum pekerja yang ditetapkan. Perubahan harga bagi kontrak perolehan Kerajaan hendaklah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Kementerian/ Agensi mengikut had nilai dan kuasa melulus yang ditetapkan seperti berikut:

Bil	Had Nilai (Jumlah Keseluruhan Perubahan Kadar Harga Kontrak)	Kuasa Melulus	Tanggungjawab
(i)	Sehingga RM50,000	Pegawai Pengawal/ Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal	Memastikan semua urusan berkaitan perubahan kadar harga kontrak perolehan Kerajaan mematuhi dasar dan prinsip perolehan Kerajaan serta amalan tadbir urus baik
(ii)	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga	
(iii)	Melebihi RM500,000	Lembaga Perolehan Agensi	

4. Kementerian/ Agensi juga hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (i) Syarikat membuat permohonan bertulis bagi perubahan harga kontrak Kerajaan dengan menyertakan salinan penyata gaji dan penyata potongan KWSP pekerja;
- (ii) Hanya terpakai bagi kontrak Kerajaan yang telah ditandatangani sebelum tarikh kuat kuasa PGM 2020 pada 1 Februari 2020 dan tempoh kontrak masih berkuat kuasa;
- (iii) Perubahan kadar harga adalah tidak dibenarkan bagi pelawaan tender/ sebut harga yang telah dinyatakan dengan jelas keperluan mematuhi Peraturan ini;
- (iv) Agensi hendaklah menubuahkan satu Jawatankuasa Penilaian Perubahan Harga yang bertanggungjawab untuk meneliti dan membuat pengiraan ke atas permohonan perubahan kadar harga kontrak perolehan Kerajaan/ daripada syarikat mulai tarikh kuatkuasa PGM 2020 hingga tempoh kuat kuasa kontrak sahaja untuk diperakukan kepada pihak berkuasa melulus;
- (v) Agensi hendaklah mengikat satu Perjanjian Tambahan dengan syarikat untuk mengambil kira kadar saraan minimum dalam PGM 2020. Perjanjian Tambahan hendaklah disalinkan kepada Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) bagi tujuan penguatkuasaan dan pemantauan;
- (vi) Kelulusan kenaikan kadar harga adalah tertakluk kepada peruntukan sedia ada;

- (vii) Selaras dengan arahan tersebut, pelarasan harga kontrak hendaklah mengambil kira perubahan nilai bon pelaksanaan bagi kontrak yang bernilai melebihi RM200,000.00;
- (viii) Pelarasan harga kontrak dilakukan dengan mengambil kira saraan minimum pekerja yang ditetapkan oleh Kerajaan melalui PGM 2020 tanpa melibatkan keuntungan kepada syarikat;
- (ix) Perubahan kadar harga kontrak tidak melibatkan perubahan kepada tempoh kontrak asal di mana tempoh kontrak dikenalkan tanpa sebarang pelanjutan;
- (x) Pihak Kerajaan masih mempunyai pegangan ke atas bon pelaksanaan melalui Perjanjian Asal kontrak bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara; dan
- (xi) Semua syarat di dalam PGM 2020 dipatuhi sepenuhnya.

5. Semua arahan ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dan dengan berkuatkuasanya surat ini, surat edaran Kementerian Kewangan rujukan S/K.KEW/PK/MOF/D/OO JLD.12 SK.3(4) bertarikh 23 Oktober 2018 dan rujukan S/K.KEW/PK/MOF/D/OO JLD.12 SK.3 (8) bertarikh 14 Disember 2018 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,




(TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR)

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

0

0



27 April 2022
27 April 2022
P.U. (A) 140

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH GAJI MINIMUM 2022

MINIMUM WAGES ORDER 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAJLIS PERUNDINGAN GAJI NEGARA 2011

PERINTAH GAJI MINIMUM 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 23 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Gaji Minimum 2022**.

(2) Kecuali bagi perenggan 5 dan 6, Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2022.

(3) Perenggan 5 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

(4) Perenggan 6 berkuat kuasa bagi tempoh mulai 1 Mei 2022 hingga 31 Disember 2022.

Ketidakpakaian

2. Perintah ini tidak terpakai bagi pekhidmat domestik sebagaimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 2(1) Akta Kerja 1955 [Akta 265], subseksyen 2(1) Ordinan Buruh Sabah [Bab 67] dan subseksyen 2(1) Ordinan Buruh Sarawak [Bab 76].

Tafsiran

3. Dalam Perintah ini—

“kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran” ertinya mana-mana kawasan yang diisyiharkan atau ditubuhkan sebagai kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 [Sabah No. 11 tahun 1961] atau Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996 [Sarawak Bab 20], atau Putrajaya atau Labuan;

"tempat kerja" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Kerja 1955, subseksyen 2(1) Ordinan Buruh Sabah dan subseksyen 2(1) Ordinan Buruh Sarawak.

Kadar gaji minimum dan kadar gaji bagi pekerja yang dibayar hanya berdasarkan upah ikut kerja, berat tan, dsb. berkuat kuasa mulai 1 Mei 2022

4. (1) Kadar gaji minimum yang kena dibayar kepada seseorang pekerja berkuat kuasa mulai 1 Mei 2022 hendaklah seperti yang berikut:

Kadar gaji minimum			
Bulanan	Harian		Setiap jam
RM1,500	Bilangan hari bekerja dalam seminggu		RM7.21
	6	5	4
	RM57.69	RM69.23	RM86.54

(2) Berhubung dengan seseorang pekerja yang tidak dibayar gaji pokok tetapi dibayar gaji hanya berdasarkan upah ikut kerja, berat tan, tugasan, perjalanan atau komisen, kadar gaji bulanan yang kena dibayar kepada pekerja itu berkuat kuasa mulai 1 Mei 2022 hendaklah tidak kurang daripada RM1,500.

(3) Perenggan ini terpakai bagi pekerja yang diambil kerja oleh—

- (a) seseorang majikan yang mengambil kerja lima orang pekerja atau lebih; dan
- (b) tanpa mengira bilangan pekerja yang diambil bekerja, majikan yang menjalankan suatu aktiviti profesional yang dikelaskan di bawah Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) sebagaimana yang diterbitkan secara rasmi oleh Kementerian Sumber Manusia.

Kadar gaji minimum dan kadar gaji bagi pekerja yang dibayar hanya berdasarkan upah ikut kerja, berat tan, dsb. berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023

5. (1) Kadar gaji minimum yang kena dibayar kepada seseorang pekerja berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023 hendaklah seperti yang berikut:

Kadar gaji minimum			
Bulanan	Harian		Setiap jam
RM1,500	Bilangan hari bekerja dalam seminggu		RM7.21
	6	5	
	RM57.69	RM69.23	RM86.54

(2) Berhubung dengan seseorang pekerja yang tidak dibayar gaji pokok tetapi dibayar gaji hanya berdasarkan upah ikut kerja, berat tan, tugasan, perjalanan atau komisen, kadar gaji bulanan yang kena dibayar kepada pekerja itu berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023 hendaklah tidak kurang daripada RM1,500.

(3) Perenggan ini terpakai bagi pekerja yang diambil kerja oleh seseorang majikan yang mengambil kerja kurang daripada lima orang pekerja selain majikan yang disebut dalam subsubperenggan 4(3)(b).

Kadar gaji minimum dan kadar gaji bagi pekerja yang dibayar hanya berdasarkan upah ikut kerja, berat tan, dsb. bagi tempoh mulai 1 Mei 2022 hingga 31 Disember 2022

6. (1) Kadar gaji minimum yang kena dibayar kepada seseorang pekerja mengikut kawasan tempat kerja bagi tempoh mulai 1 Mei 2022 hingga 31 Disember 2022 hendaklah seperti yang berikut:

Kawasan	Kadar gaji minimum		
	Bulanan	Harian	Setiap jam
Kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran	RM1,200	Bilangan hari bekerja dalam seminggu	
		6	RM46.15
		5	RM55.38

		4	RM69.23	
Selain kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran	RM1,100	6	RM42.31	RM5.29
		5	RM50.77	
		4	RM63.47	

(2) Berhubung dengan seseorang pekerja yang tidak dibayar gaji pokok tetapi dibayar gaji hanya berdasarkan upah ikut kerja, berat tan, tugasan, perjalanan atau komisen kadar gaji bulanan yang kena dibayar kepada pekerja itu mengikut kawasan tempat kerja bagi tempoh mulai 1 Mei 2022 hingga 31 Disember 2022 hendaklah tidak kurang daripada kadar seperti yang berikut:

Kawasan	Kadar
Kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran	RM1,200
Selain kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran	RM1,100

(3) Perenggan ini terpakai bagi pekerja yang diambil kerja oleh seseorang majikan yang mengambil kerja kurang daripada lima orang pekerja selain majikan yang disebut dalam subsubperenggan 4(3)(b).

Pembatalan

7. Perintah Gaji Minimum 2020 [P.U. (A) 5/2020] dibatalkan.

Dibuat 27 April 2022
[KSM/PUU(R) 600-1/2/17/1; PN(PU2)700/JLD. 7]

DATUK SERI SARAVANAN A/L MURUGAN
Menteri Sumber Manusia

0

0

KADAR GAJI MINIMUM YANG DITETAPKAN MELALUI PERINTAH GAJI MINIMUM 2022

BIL	KATEGORI MAJIKAN	KADAR	PEKERJA YANG DIBAYAR BERDASARKAN UPAH IKUT KERJA, BERAT TAN, DSB.	TARIKH KUAT KUASA																																			
				PEKERJA YANG DIBAYAR BERDASARKAN UPAH IKUT KERJA, BERAT TAN, DSB.																																			
1.	5 orang pekerja atau lebih.																																						
2.	Tanpa mengira bilangan pekerja (majikan yang menjalankan aktiviti profesional Kumpulan 2: Profesional di bawah MASCO)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bulanan</th> <th>Harian</th> <th>Jam</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM1,500</td> <td>Bil hari bekerja seminggu 6</td> <td>5 4</td> </tr> <tr> <td></td> <td>RM57.69</td> <td>RM69.23 RM86.54</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>RM7.21</td> </tr> </tbody> </table> <p>Kumpulan 2: Profesional MASCO boleh dirujuk di pautan berikut https://emasco.mohr.gov.my/index</p>	Bulanan	Harian	Jam	RM1,500	Bil hari bekerja seminggu 6	5 4		RM57.69	RM69.23 RM86.54			RM7.21	Kadar gaji bulanan tidak kurang daripada RM1,500 1 Mei 2022																								
Bulanan	Harian	Jam																																					
RM1,500	Bil hari bekerja seminggu 6	5 4																																					
	RM57.69	RM69.23 RM86.54																																					
		RM7.21																																					
3.	Kurang daripada 5 orang pekerja dan selain majikan yang menjalankan aktiviti profesional Kumpulan 2: Profesional di bawah MASCO	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bulanan</th> <th>Harian</th> <th>Jam</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM1,200</td> <td>Bil hari bekerja seminggu 6</td> <td>5 4</td> </tr> <tr> <td></td> <td>RM46.15</td> <td>RM55.38 RM69.23</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>RM5.77</td> </tr> </tbody> </table> <p>Selain kawasan Majlis Bandaraya/Perbandaran</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bulanan</th> <th>Harian</th> <th>Jam</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM1,100</td> <td>Bil hari bekerja seminggu 6</td> <td>5 4</td> </tr> <tr> <td></td> <td>RM42.31</td> <td>RM50.77 RM63.47</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>RM5.29</td> </tr> </tbody> </table> <p>Selain kawasan Majlis Bandaraya / Perbandaran</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bulanan</th> <th>Harian</th> <th>Jam</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM1,500</td> <td>Bil hari bekerja seminggu 6</td> <td>5 4</td> </tr> <tr> <td></td> <td>RM57.69</td> <td>RM69.2 RM86.5</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>RM7.21</td> </tr> </tbody> </table>	Bulanan	Harian	Jam	RM1,200	Bil hari bekerja seminggu 6	5 4		RM46.15	RM55.38 RM69.23			RM5.77	Bulanan	Harian	Jam	RM1,100	Bil hari bekerja seminggu 6	5 4		RM42.31	RM50.77 RM63.47			RM5.29	Bulanan	Harian	Jam	RM1,500	Bil hari bekerja seminggu 6	5 4		RM57.69	RM69.2 RM86.5			RM7.21	Kadar gaji bulanan tidak kurang daripada RM1,200 1 Mei 2022 hingga 31 Dis 2022
Bulanan	Harian	Jam																																					
RM1,200	Bil hari bekerja seminggu 6	5 4																																					
	RM46.15	RM55.38 RM69.23																																					
		RM5.77																																					
Bulanan	Harian	Jam																																					
RM1,100	Bil hari bekerja seminggu 6	5 4																																					
	RM42.31	RM50.77 RM63.47																																					
		RM5.29																																					
Bulanan	Harian	Jam																																					
RM1,500	Bil hari bekerja seminggu 6	5 4																																					
	RM57.69	RM69.2 RM86.5																																					
		RM7.21																																					
				Kadar gaji bulanan tidak kurang daripada RM1,500 1 Januari 2023																																			

0

0